

15 FEB 2003

Sultan-Cameron (Bergambar)

SULTAN TEGUR SYARIKAT JEJASKAN ALAM SEKITAR DI CAMERON HIGHLANDS

CAMERON HIGHLANDS, 15 Feb (Bernama) -- Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah hari ini menegur sebuah syarikat yang memugar tanah tinggi di sini untuk tujuan penanaman sayur.

Sultan Ahmad Shah bertitah, tindakan Syarikat Deng Seng Enterprise Sdn Bhd menjalankan kerja-kerja memugar tanah menggunakan jentera berat boleh merosakkan alam semulajadi di Cameron Highlands.

"Tinjauan dari udara semalam menunjukkan kemusnahan yang telah berlaku di kawasan terbabit," titah baginda semasa taklimat yang diberikan oleh pengarah syarikat terbabit, Kwang Keh Chong di tapak yang menimbulkan kontroversi itu di bekas ladang teh Blue Valley.

"Syarikat Deng Seng dan kontraktornya tidak pernah memikirkan tindakan mereka itu akan menyebabkan masalah kepada pihak berkuasa tempatan, petani petani kecil dan orang ramai," titah baginda.

Turut hadir pada taklimat hari ini ialah Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, beberapa pegawai kanan Kerajaan Negeri Pahang dan Pegawai Daerah Cameron Highlands, Haron Abdul Kadir.

Tindakan syarikat itu mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal bulan ini yang menegur perbuatan merosakkan keadaan alam semulajadi di kawasan tanah tinggi itu.

Berikutan dengan itu, Adnan mengumumkan pembekuan serta merta semua projek pembangunan di Cameron Highlands.

Kwang, semasa memberi taklimat kepada Sultan berkata syarikat beliau itu diberi kelulusan oleh Pejabat Daerah Cameron Highlands untuk membersihkan dan memajukan lapan hektar tanah itu menggunakan jentera ringan.

Beliau, bagaimanapun, berkata selepas sebulan menggunakan jentera ringan itu kemajuan kerja-kerja begitu perlahan sehinggakan kontraktor terpaksa menggunakan jentera berat.

Apabila mereka mula menggunakan jentera berat, kerja-kerja berjalan lancar dan hakisan tanah dapat dikawal dengan lebih baik, kata Kwang lagi.

Kwang juga memohon maaf kepada mereka yang terpaksa menanggung kesusahan atau rasa malu ekoran laporan media yang menurutnya sengaja diperbesar.

Bagaimanapun, Sultan berkata media tidak patut dipersalahkan kerana mereka mempunyai hak untuk melaporkannya dan ada sebab tersendiri untuk membuat laporan mengenai tindakan syarikat itu.

Sultan memberitahu pemberita kemudiannya bahawa baginda berpuas hati dengan penerangan yang diberi dan Kwang telah menyatakan segala-galanya.

"Sekarang terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk mengkaji," kata baginda.

Adnan yang ditemui selepas itu berkata, arahan supaya pembangunan di Cameron Highlands dihentikan serta merta masih kekal sehingga diberitahu kelak.

-- BERNAMA

KAY AR PR